

Bil. S 21

**AKTA LESEN-LESEN RAMPAIAN
(PENGAL 127)**

PERATURAN-PERATURAN LESEN-LESEN RAMPAIAN (PINDAAN), 2014

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa.
 2. Pindaan peraturan 1 dari Peraturan-Peraturan Lesen-Lesen Rampaian dalam Pengal 127.
 3. Pindaan peraturan 2.
 4. Penggantian peraturan 5.
 5. Pindaan peraturan 6.
 6. Penggantian peraturan 8B.
 7. Pemasukan peraturan 8C baru.
 8. Pindaan peraturan 17A.
 9. Pindaan peraturan 41.
 10. Pindaan peraturan 42.
 11. Pindaan peraturan 42A.
 12. Pindaan peraturan 42B.
 13. Pemansuhan peraturan 43.
 14. Pemansuhan peraturan 44.
 15. Pemansuhan peraturan 45.
 16. Pemansuhan Jadual Pertama.
 17. Pemansuhan Jadual Ketiga.
 18. Pindaan Jadual Keempat.
-

**AKTA LESEN-LESEN RAMPAIAN
(PENGAL 127)**

PERATURAN-PERATURAN LESEN-LESEN RAMPAIAN (PINDAAN), 2014

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 2(1) dari Akta Lesen-Lesen Rampaian, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Lesen-Lesen Rampaian (Pindaan), 2014 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Januari 2015.

Pindaan peraturan 1 dari Peraturan-Peraturan Lesen-Lesen Rampaian dalam Pengal 127.

2. Peraturan-Peraturan Lesen-Lesen Rampaian, dalam Peraturan-Peraturan ini disebut sebagai Peraturan-Peraturan utama, adalah dipinda, dalam peraturan 1, dengan memotong “Rampaian” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “Perniagaan”.

Pindaan peraturan 2.

3. Peraturan 2 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda —

- (a) dengan memotong takrifan “pegawai yang diberi kuasa”;
- (b) dengan memotong takrifan “Lembaga Melesen Daerah”;
- (c) dengan memotong takrifan “lesen”;
- (d) dengan memotong takrifan “kawasan melesen”;
- (e) dengan memotong takrifan “pihak berkuasa melesen”.

Penggantian peraturan 5.

4. Peraturan 5 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan peraturan baru yang berikut —

“Bentuk dan syarat lesen.

5. Suatu lesen hendaklah dalam bentuk dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh pihak berkuasa melesen.”

Pindaan peraturan 6.

5. Peraturan 6 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memotong “Keempat” dari baris kedua.

Penggantian peraturan 8B.

6. Peraturan 8B dari Peraturan-Peraturan utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan peraturan baru yang berikut —

“Perubahan butir-butir lesen.

8B. Apabila sebarang perubahan dibuat atau terdapat pada nama atau alamat tempat berlesen, pemegang lesen hendaklah, dalam masa 30 hari dari perubahan tersebut —

(a) memberi kepada pihak berkuasa melesen suatu pernyataan secara bertulis yang menyatakan jenis dan tarikh perubahan itu; dan

(b) menyerahkan balik lesen itu kepada pihak berkuasa melesen, dan pihak berkuasa melesen hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, mengeluarkan suatu lesen baru kepada pemegang lesen.”

Pemasukan peraturan 8C baru.

7. Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas peraturan 8B peraturan baru yang berikut —

“Penggantian lesen yang hilang atau cacat.

8C. (1) Jika dibuktikan sehingga memuaskan hati pihak berkuasa melesen bahawa suatu lesen telah hilang, musnah atau dirosakkan atau dicatitkan sehingga tidak dapat dibaca, pihak berkuasa melesen boleh, selepas menerima permohonan daripada pemegang lesen dan setelah bayaran sebanyak \$2 dibuat, mengeluarkan suatu lesen gantian kepada pemegang lesen, dan lesen gantian yang dikeluarkan itu hendaklah mempunyai kesan sama seperti lesen asal.

(2) Jika pada bila-bila masa selepas suatu lesen gantian dikeluarkan lesen asal dijumpai, pemegang lesen hendaklah mengembalikan lesen asal itu kepada pihak berkuasa melesen.”

Pindaan peraturan 17A.

8. Peraturan 17A dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda, dalam peraturan kecil (1), dengan memotong “Pengerusi” dari baris kedua.

Pindaan peraturan 41.

9. Peraturan 41 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memotong “Di dalam sesebuah kawasan melesen Pengerusi atau mana-mana ahli bagi pihak berkuasa melesen bagi kawasan itu” dari dua baris pertama dan menggantikannya dengan “Pihak berkuasa melesen”.

Pindaan peraturan 42.

10. Peraturan 42 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda, dalam perenggan (a), dengan memotong “Pengerusi bagi” dari baris ketiga.

Pindaan peraturan 42A.

11. Peraturan 42A dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda, dalam peraturan kecil (1) —

(a) dengan memotong “Pengerusi” dari baris pertama;

(b) dengan memotong “Pengerusi” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “pihak berkuasa melesen”.

Pindaan peraturan 42B.

12. Peraturan 42B dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda, dalam peraturan kecil (1) —

(a) dalam perenggan (a)(i) —

(i) dengan memotong “Pengerusi” dari baris pertama;

(ii) dengan memotong “Pengerusi” dari baris keempat dan menggantikannya dengan “pihak berkuasa melesen”;

(b) dalam perenggan (b) —

(i) dengan memotong “Pengerusi” dari baris pertama;

(ii) dengan memotong “Pengerusi” dari baris keempat dan menggantikannya dengan “pihak berkuasa melesen”;

(c) dalam perenggan (c) —

(i) dengan memotong “Pengerusi” dari baris pertama;

(ii) dengan memotong “Pengerusi” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “pihak berkuasa melesen”.

Pemansuhan peraturan 43.

13. Peraturan 43 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dimansuhkan.

Pemansuhan peraturan 44.

14. Peraturan 44 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dimansuhkan.

Pemansuhan peraturan 45.

15. Peraturan 45 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dimansuhkan.

Pemansuhan Jadual Pertama.

16. Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan utama adalah dimansuhkan.

Pemansuhan Jadual Ketiga.

17. Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan utama adalah dimansuhkan.

Pindaan Jadual Keempat.

18. Jadual Keempat kepada Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda, dalam tajuk, dengan memotong “KEEMPAT”.

Diperbuat pada hari ini 9 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 31 haribulan Disember, 2014.

PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN
PENGARAH DATO PADUKA HAJI OTHMAN,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.